



**PANDUAN PERMOHONAN DAN
PERATURAN – PERATURAN PENTAULIAHAN
PUSAT BERTAULIAH – PENTAULIAHAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PB-PPT)**

**MAJLIS LATIHAN VOKASIONAL KEBANGSAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN DAN PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN
PUSAT BERTAULIAH-PENTAULIAHAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PB-PPT)**

KANDUNGAN

1.	OBJEKTIF PANDUAN	2
2.	PENDAHULUAN	2
3.	KRITERIA DAN SYARAT PENTAULIAHAN PB-PPT	2
4.	PERMOHONAN PENTAULIAHAN PB-PPT	2
5.	PERLANTIKAN PENYELARAS PPT	3
6.	LAWATAN PEMERIKSAAN	3
7.	KELULUSAN PENTAULIAHAN PB-PPT	3
8.	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PB-PPT	4
9.	LANTIKAN PP-PPT	4
10.	PEMBATALAN PENTAULIAHAN PB-PPT	4
11.	TARIKH BERKUATKUASA	5

PANDUAN PERMOHONAN DAN PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN PUSAT BERTAULIAH-PENTAULIAHAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PB-PPT)

1. OBJEKTIF PANDUAN

- 1.1 Panduan dan Peraturan-peraturan ini bertujuan untuk memberi penerangan dan menetapkan keperluan mengenai pelaksanaan permohonan pentaauliahan Pusat Bertauliah - Pentaauliahan Pencapaian Terdahulu (PB-PPT) khususnya dari aspek kriteria dan syarat pentaauliahan, lantikan penyelar program PPT dan tanggungjawab PB-PPT dalam pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pentaauliahan Pencapaian Terdahulu.

2. PENDAHULUAN

- 2.1 Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pentaauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT) telah dilancarkan pada 13 September 1996. Kaedah ini memberi peluang kepada pekerja mahir negara ini untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap keterampilan yang mereka miliki. Pekerja-pekerja mahir yang berpengalaman boleh memohon mnendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia(DLKM) tanpa perlu mengikuti latihan atau sebarang ujian khas. Calon hanya perlu menyediakan dan mengemukakan bukti-bukti keterampilan yang telah dimiliki/diperolehi untuk dinilai dan disahkan.

3. KRITERIA DAN SYARAT PENTAULIAHAN PB-PPT

- 3.1 Pemohon dikehendaki memenuhi kriteria dan syarat seperti berikut:
 - 3.1.1 Permohonan hanyalah dibenarkan kepada Pusat Bertauliah yang telah mendapat Kelulusan Penuh Pentaauliahan oleh MLVK bagi bidang yang dipohon sahaja; dan
 - 3.1.2 Pusat Bertauliah hendaklah masih aktif menjalankan program MLVK dalam tempoh tidak kurang dari 3 tahun; dan
 - 3.1.3 Pusat Bertauliah mempunyai/melantik Pegawai Penyelar PPT;dan
 - 3.1.4 Pusat Bertauliah berupaya mentadbir dan mengurus permohonan persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT sebagaimana yang telah ditetapkan oleh MLVK
 - 3.1.5 Pusat Bertauliah hanya dibenarkan untuk menjalankan latihan maksimum 25% dari NOSS yang berkaitan kepada calon PPT yang tdidaftarkan; dan
 - 3.1.6 Memenuhi kriteria-kriteria lain yang ditetapkan oleh MLVK dari semasa ke semasa.
- 3.2 Program I-031-3 adalah DIKECUALIKAN dari kaedah PB-PPT.

4. PERMOHONAN PENTAULIAHAN PB-PPT

- 4.1 Permohonan pentaualiahan PB-PPT dari mana-mana Pusat Bertauliah bagi sesuatu program hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah MLVK dengan :
 - 4.1.1 mengisi dengan lengkap **Borang MLVK/PPT/1020(P1)**; dan
 - 4.1.2 menyertakan apa-apa dokumen dan maklumat bagi maksud memutuskan permohonan itu.
- 4.2 Ketua Pengarah MLVK boleh meminta dokumen dan maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 4.3 Jika dokumen dan maklumat tambahan yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah MLVK dibawah perenggan 4.2 di atas tidak dikemukakan oleh pemohon dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan itu akan dianggap ditarik balik oleh pemohon dan tidak boleh diteruskan.
- 4.4 Ketua Pengarah MLVK berhak menolak mana-mana permohonan yang tidak dikemukakan dengan lengkap.

5. PERLANTIKAN PENYELARAS PPT

- 5.1 Penyelaras PPT perlu memiliki kriteria-kriteria kelayakan seperti berikut:-
 - 5.1.1 Berumur 21 tahun dan ke atas; dan
 - 5.1.2 Telah hadir kursus induksi PP-PPT; dan
 - 5.1.3 Dilantik di kalangan kakitangan Pusat Bertauliah; dan
 - 5.1.4 Memahami pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia dan kaedah PPT; dan
 - 5.1.5 Mampu membimbing dan memudahcara penyediaan portfolio dan bukti-bukti keterampilan calon; dan
 - 5.1.6 Maksimum nisbah penyelaras PPT : calon adalah 1:100 bagi tempoh sebulan.

6. LAWATAN PEMERIKSAAN

- 6.1 Pihak MLVK boleh pada bila-bila masa yang munasabah mengadakan Lawatan Pemeriksaan ke Pusat Bertauliah untuk menentusahkan kesahihan permohonan.

7. KELULUSAN PENTAULIAHAN PB-PPT

- 7.1 Selepas menimbangkan sesuatu permohonan Ketua Pengarah MLVK:-
 - 7.1.1 boleh meluluskan permohonan itu dan memberikan perakuan pentaualiahan kepada Pusat Bertauliah bagi suatu tempoh yang ditetapkan;
 - 7.1.2 boleh meluluskan permohonan itu, dan memberi perakuan pentaualiahan kepada Pusat Bertauliah yang berlainan jenis daripada yang dipohon; atau

- 7.1.3 boleh menolak permohonan itu, dengan menyatakan alasan bagi penolakan itu.
- 7.2 Tempoh pentauliahan akan tamat secara automatik sekiranya PB tidak lagi menjadi Pusat Bertauliah MLVK atau setelah diberi notis penamatan secara bertulis oleh Ketua Pengarah MLVK.

8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PB-PPT

- 8.1 PB-PPT perlu memainkan peranan dan tanggungjawab berikut:
 - 8.1.1 Mempromosi dan menyelarar program PPT bagi bidang kemahiran yang dipohon;
 - 8.1.2 Mempunyai/melantik Penyelaras PPT daripada mereka yang memenuhi kriteria yang ditetapkan sahaja;
 - 8.1.3 Mengurus proses permohonan SKM/DKM/DLKM melalui PPT bagi calon yang berdaftar dengan PB-PPT berkenaan mengikut bidang kemahiran yang dipohon;
 - 8.1.4 Memastikan prosedur permohonan SKM/DKM/DLKM melalui kaedah PPT khususnya dari aspek permohonan, kaunseling, portfolio calon, bukti-bukti keterampilan dan penilaian mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dengan merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Melalui Kaedah PPT;
 - 8.1.5 Menyelesaikan semua urusan berkaitan pengeluaran sijil pada mana-mana peringkat sebelum calon meninggalkan PB-PPT atas apa-apa alasan;
 - 8.1.6 Menyampaikan mana-mana sijil yang telah dikeluarkan oleh MLVK kepada calon tanpa syarat, mana-mana sijil yang tidak dituntut oleh calon hendaklah dikembalikan kepada MLVK selepas enam (6) bulan dari tarikh terima sijil dari MLVK;
 - 8.1.7 Memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Pengarah MLVK sebarang:-
 - (i) perubahan terhadap Penyelaras PPT;
 - (ii) struktur yuran baru yang dikenakan.
- 8.2 PB-PPT juga adalah tertakluk kepada semua syarat dan peraturan MLVK yang sedia ada dan sedang berkuatkuasa.

9. LANTIKAN PEGAWAI PENILAI-PENTAULIAHAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PP-PPT)

- 9.1 Perlantikan PP-PPT adalah di bawah bidang kuasa MLVK.
- 9.2 PB-PPT tidak dibenarkan untuk memilih atau menukar mana-mana PP-PPT yang telah dilantik oleh MLVK.
- 9.3 MLVK berhak pada bila-bila masa menukar atau menambah PP-PPT yang telah dilantik bagi menjalankan pemilaian di PB-PPT.

10. PEMBATALAN PENTAULIAHAN PB-PPT

- 10.1 Ketua Pengarah MLVK boleh, pada bila-bila masa, membatalkan perakuan pentauliahan yang diberikan kepada mana-mana PB-PPT sekiranya PB-PPT berkenaan:-
 - 10.1.1 tidak mengekalkan standard dan kualiti yang dikehendaki;
 - 10.1.2 melanggar apa-apa syarat yang ditetapkan dalam Peraturan ini;
 - 10.1.3 diisytihar bankrap, atau penggulungan syarikat;
 - 10.1.4 telah memperolehi pentauliahan melalui salah nyataan atau penipuan; atau
 - 10.1.5 kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi.
- 10.2 Ketua Pengarah MLVK akan memberi notis untuk membatalkan pentauliahan dengan memberi alasan pembatalan tersebut.
- 10.3 Ketua Pengarah MLVK boleh juga mengambil tindakan menyenarai hitam mana-mana organisasi atau personel yang terlibat dengan PB-PPT yang gagal memenuhi peruntukan di bawah perenggan 10.1 di atas, dan dengan ini tidak menimbang organisasi atau personel berkaitan dalam apa-apa urusan Persijilan Kemahiran Malaysia.

11. TARIKH BERKUATKUASA

Panduan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi oleh semua Pusat Bertauliah – Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PB-PPT) yang telah dilantik dan terlibat secara terus dalam aktiviti Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT).

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**KETUA PENGARAH
MAJLIS LATIHAN VOKASIONAL KEBANGSAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
30 Jun 2006**